A

ROBBIAH ALI & YANG LAIN lwn. MOHD ZULKIFLI YUSOF & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI, ALOR SETAR
ZAKIAH KASSIM PK
[RAYUAN SIVIL NO : 12(B)-NCVC-95-10-2013]
B 13 JANUARI 2015

C ***GANTI RUGI:*** *Tuntutan – Kehilangan tanggungan – Kemalangan jalan raya melibatkan dua motosikal – Isteri si mati menuntut ganti rugi kehilangan tanggungan bagi dirinya dan dua orang anak – Sama ada plaintif berjaya membuktikan kes atas dasar imbangan kebarangkalian – Plaintif pertama telah berkahwin semula dan bukan lagi isteri sah si mati – Sama ada multiplier dikurangkan – Sama ada plaintif pertama berhak menuntut kehilangan tanggungan*

D ***TORT:*** *Kecuaian – Kemalangan jalan raya – Tuntutan ganti rugi kehilangan tanggungan oleh isteri si mati serta dua orang anaknya – Sama ada plaintif berjaya membuktikan kes atas dasar imbangan kebarangkalian – Plaintif pertama telah berkahwin semula dan bukan lagi isteri sah si mati – Sama ada multiplier dikurangkan – Sama ada plaintif pertama berhak menuntut kehilangan tanggungan*

E Satu kemalangan telah berlaku melibatkan penunggang motosikal KAM 4706 dan penunggang motosikal AGF 1961. Plaintif pertama menuntut sebagai seorang isteri kepada si mati yang telah meninggal dunia akibat kemalangan tersebut untuk mendapatkan ganti rugi kehilangan tanggungan bagi dirinya sendiri dan sahabat wakil kepada dua orang anaknya iaitu plaintif kedua serta F plaintif ketiga. Tuntutan plaintif telah ditolak dengan kos kerana Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') mendapati bahawa plaintif telah cuai 100% dalam kemalangan tersebut apabila gagal untuk membuktikan bahawa pelanggaran itu berlaku dari belakang kerana tiada kerosakan di bahagian belakang motosikal si mati. Walaupun begitu, HMS membuat keputusan G mengenai award bagi 'bereavement' sebanyak RM10,000 dan kehilangan tanggungan sebanyak RM14,400 bagi plaintif untuk plaintif kedua. Plaintif ketiga, yang telah membonceng motosikal KAM 4706 juga telah diberikan gantirugi bagi kecederaan yang dialaminya. Perayu tidak berpuas hati dengan keputusan HMS bahawa (i) tuntutan perayu-perayu ditolak kerana perayu H gagal membuktikan kes mereka atas dasar imbangan kebarangkalian; dan (ii) multiplier dikurangkan dari enam tahun ke dua tahun enam bulan di dalam award yang dibenarkan untuk plaintif pertama atas alasan bahawa plaintif pertama telah berkahwin semula dan bukan lagi memegang status isteri yang sah kepada si mati tetapi berstatus isteri yang sah kepada suami I kedua.

Diputuskan (menolak rayuan perayu dengan kos):

(1) Keterangan plaintif bahawa defendan memandu laju dan dalam keadaan tergesa-gesa tidak dapat membuktikan bahawa defendan telah menyumbang kepada kemalangan tersebut kerana plaintif telah membelok ke kanan dalam jarak yang dekat menyebabkan defendan tidak dapat berbuat apa-apa untuk mengelak daripada kemalangan tersebut terjadi. Keterangan senyap juga tidak membantu plaintif dalam membuktikan tuntutannya terhadap defendan. Plaintif telah gagal untuk meyakinkan mahkamah ini bahawa HMS telah khilaf dalam membuat keputusannya. (perenggan 9)

(2) Mengenai kuantum, HMS telah membuat keputusan yang betul mengenai tuntutan kehilangan tanggungan kerana perayu telah berkahwin lain dan umur si mati adalah 43 tahun. Oleh itu, plaintif tidak berhak untuk menuntut kehilangan tanggungan. Award bagi plaintif kedua dan ketiga tidak excessive, oleh itu, ia dikekalkan. (perenggan 11 & 12)

Kes-kes yang dirujuk:
Samar Binte Mansor v. Mustafa Kamarul Ariffin [1974] 1 LNS 147 FC ***(dirujuk)***

Bagi pihak perayu-perayu - Manoharan Veerasamy; T/n Mano Veera & Co
Bagi pihak responden-responden - Selvi Rajaram; T/n Hoe & Ahmad Zaki

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Zakiah Kassim PK:

Pendahuluan

[1] Perayu/plaintif tidak berpuashati dengan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen pada 1 Oktober 2013 terhadap isu liabiliti dan kuantum dalam kes kemalangan yang melibatkan penunggang motosikal No KAM 4706 dan motosikal No AGF 1961. Untuk memudahkan rujukan pihak-pihak akan dirujuk sebagai plaintif dan defendan.

[2] Plaintif pertama, Robbiah binti Ali menuntut sebagai seorang isteri untuk mendapatkan gantirugi kehilangan tanggungan bagi dirinya sendiri dan sahabat wakil kepada dua orang anaknya Muhammad Amirul Aizat bin Ishak dan Muhammad Amirul Aiman bin Ishak yang membonceng motosikal No KAM 4706.

[3] Tuntutan plaintif telah ditolak dengan kos kerana Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana mendapati bahawa plaintif telah cuai 100% dalam kemalangan itu apabila gagal untuk membuktikan bahawa pelanggaran itu berlaku dari belakang kerana tiada kerosakan di bahagian belakang motosikal si mati. Walaupun begitu, Hakim Mahkamah Sesyen membuat keputusan

mengenai award bagi "bereavement" sebanyak RM10,000 dan kehilangan tanggungan sebanyak RM14,400 atas dasar enam ke dua tahun enam bulan bagi plaintif untuk plaintif kedua.

[4] Hakim Mahkamah Sesyen telah membenarkan sejumlah RM14,400 juga bagi kehilangan tanggungan dan bagi kecederaan yang dalam award yang berikut:

(i) Punture wound and abrasion wound RM2,000;

(ii) Open midshaft right humerus RM17,000;

(iii) Scars RM3,000;

(iv) Kos pembedahan masa depan RM1,333;

(v) Pain and suffering for future operation RM3,000.

Plaintif ketiga

(i) Kehilangan tanggungan RM14,400;

(ii) Bruises and abrasion wound RM2,000;

(iii) Closed fracture midshaft right humerus RM15,000.

[5] Perayu tidak berpuashati dengan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen bahawa:

(i) Tuntutan perayu-perayu ditolak kerana perayu gagal membuktikan kes mereka atas dasar imbangan kebarangkalian;

(ii) Multiplier dikurangkan daripada enam tahun ke dua tahun enam bulan di dalam award yang dibenarkan untuk plaintif pertama atas alasan bahawa plaintif pertama telah berkahwin semula dan bukan lagi status yang sah kepada si mati tetapi berstatus isteri yang sah kepada suami kedua.

[6] Mengenai alasan (i), mahkamah ini bersetuju dengan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen bahawa plaintif-plaintif gagal membuktikan kes mereka dan bertanggungjawab 100% ke atas kemalangan ini.

[7] Menurut plaintif, beliau dilanggar dari belakang, motornya terjatuh dan rosak di bahagian belakang. Walaupun begitu SP1 sebaliknya menyatakan behawa bahagian belakang motosikal plaintif tidak rosak tetapi penghadang penghadang angin kanan pecah, cover enjin sebelah kanan pecah dan pemijak kaki kanan pecah. Kerosakan motosikal defendan pula melibatkan mudguard depan pecah, penghadang angin sebelah kiri pecah, cover handle pecah, lampu besar hadapan pecah dan fork depan bengkok.

[8] Defendan dalam keterangannya di depan hakim perbicaraan mengatakan bahawa si mati telah melintas di hadapan motosikal defendan secara tiba-tiba tanpa memberi laluan untuk motosikal defendan dan kemalangan pun berlaku. Defendan tidak dapat berbuat apa-apa kerana jarak terlalu dekat. Keterangan defendan bahawa plaintif telah membelok ke kanan

tanpa memberi signal kanan terlebih dahulu tidak disangkal oleh mana-mana saksi plaintif. Keterangan defendan disokong oleh SP1 bahawa dalam siasatannya beliau mendapati bahawa semasa kejadian, motosikal plaintif masuk ke simpang untuk ke rumahnya di Kg Siput. Ini menunjukkan bahawa plaintif tidak memberi perhatian semasa menunggang motosikal kerana gagal memerhati kehadiran defendan yang sedang menunggang motosikalnya di laluan utama. Sekiranya plaintif memberi perhatian sudah tentu beliau tidak akan membelok ke kanan secara melulu tanpa memberi signal dalam jarak yang dekat, tambahan pula plaintif membawa dua orang anak kecilnya bersama sebagai pembonceng.

Selain daripada itu, terdapat kesan calar di atas jalan raya yang telah ditandakan sebagai 'H1-H2' dan 'G1-G2'. Kesan calar awal ditanda 'H1 dan G1' dan berakhir ditanda 'H2 dan G2'. Garisan calar ini mencondong ke kiri dan ke kanan. Ini menunjukkan semasa kejadian si mati telah melintas jalan iaitu menyokong versi defendan.

[9] Mengambil kira faktor-faktor di atas, mahkamah ini mendapati bahawa keterangan plaintif bahawa defendan memandu laju dan dalam keadaan tergesa-gesa tidak dapat membuktikan bahawa defendan telah menyumbang (contribute) kepada kemalangan tersebut kerana plaintif telah membelok ke kanan dalam jarak yang dekat menyebabkan defendan tidak dapat berbuat apa-apa untuk mengelak daripada kemalangan tersebut terjadi. Keterangan senyap juga tidak membantu plaintif dalam membuktikan tuntutannya terhadap defendan.

Berdasarkan penjelasan di atas, plaintif telah gagal untuk meyakinkan mahkamah ini bahawa Hakim Mahkamah Sesyen telah khilaf dalam membuat keputusannya. Dalam kes *Samar Binte Mansor v. Mustafa Kamarul Ariffin* [1974] 1 LNS 147; [1974] 2 MLJ 71 HRH Raja Azlan Shah (baginda pada masa itu) memutuskan bahawa:

> For an appellant to succeed in an appeal against a finding of fact made by a single Judge, he must convince the appellate Court that the learned Judge was wrong in his conclusion.

[10] Menurut keterangan di atas, saya dapati Hakim Mahkamah Sesyen tidak khilaf dalam menentukan liabiliti dalam kes ini.

[11] Mengenai kuantum, saya dapati Hakim Mahkamah Sesyen telah membuat keputusan yang betul mengenai tuntutan kehilangan tanggungan kerana perayu telah berkahwin dan umur si mati adalah 43 tahun. Oleh itu plaintif tidak berhak untuk menuntut kehilangan tanggungan.

[12] Award bagi plaintif kedua dan ketiga saya dapati tidak excessive, jadi award itu saya kekalkan.

[13] Atas penjelasan itu rayuan perayu saya tolak dengan kos yang dipersetujui sebanyak RM1,000.